



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (Pertukaran
Nama dan Pindaan) 1978**

DR.8/1978

Naskah sah—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

74
Suatu Akta bagi menukar nama Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan dan bagi meminda Akta (Memperbadankan) Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan 1965.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (Pertukaran Nama dan Pindaan) 1978. Tajuk ringkas.
2. (1) Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan, yang mana dalam Akta ini disebut "Lembaga", yang ditubuhkan di bawah seksyen 2 Akta (Memperbadankan) Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan 1965, hendaklah selepas mula berkuatkuasanya Akta ini dikenali sebagai "Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia" atau dalam bahasa Inggeris "the Malaysian Industrial Development Authority" dan semua rujukan dalam mana-mana undang-undang bertulis mengenai Lembaga itu hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya. Pertukaran nama.
13/65.
(2) Pertukaran nama yang diperuntukkan oleh seksyen-kecil (1) tidaklah menyentuh apa-apa hak atau tanggungan Lembaga atau menjadikan cacat apa-apa pembicaraan di sisi undang-undang yang di bawa oleh atau terhadapnya; dan apa-apa pembicaraan di sisi undang-undang yang mungkin diteruskan atau dimulai oleh atau terhadapnya sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini boleh diteruskan atau dimulai di bawah nama barunya.

Pindaan-
pindaan am.
13/65.

3. Akta (Memperbadankan) Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan 1965 adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "Director" dan "Commerce" di mana jua ianya terdapat masing-masing dengan perkataan-perkataan "Director-General" dan "Trade".

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menukar nama Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan kepada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia supaya mencerminkan identiti kebangsaannya dalam usaha-usaha galakannya di bidang antarabangsa. Rang Undang-undang ini juga bertujuan untuk membuat pindaan-pindaan kecil yang tertentu kepada Akta (Memperbadankan) Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan 1965.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 681.]